

**PERSPEKTIF PENIAGA KECIL WANITA
TERHADAP PROGRAM MIKRO KREDIT
AL-RAHNU MAIDAM DI BANDARAYA KUALA
TERENGGANU**

EMY NORLYANA BINTI TAHA HSNI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**PERSPEKTIF PENIAGA KECIL WANITA
TERHADAP PROGRAM MIKRO KREDIT AL-
RAHNU MAIDAM DI BANDARAYA KUALA
TERENGGANU**

oleh

EMY NORLYANA BINTI TAHA HSNI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T atas segala rahmat dan syafaatNya. Sesungguhnya Allah S.W.T sebaik-baik perancang ke atas segala yang dikehendaki ke atas hambaNya dan dengan izin Allah kajian ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof Madya Dr. Mohamad Shahrudin Samsurijan selaku penyelia utama dan Dr. Parthiban S. Gopal selaku penyelia kedua yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar, nasihat serta bimbingan sepanjang kajian ini dilakukan. Terlalu banyak cabaran yang dilalui sepanjang pengajian ini, namun dengan bimbingan dan nasihat yang tidak pernah putus dapat saya sempurnakan penyelidikan ini dalam masa yang ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada suami Mohd Syahir Kyairi, ibunda Faridah Ishak dan adinda Eli Diyana Taha Hsni yang sentiasa di sisi bersama-sama membantu mengharungi setiap langkah pahit maung manis sepanjang perjalanan menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih di atas doa yang tidak pernah putus, nasihat serta sokongan yang diberi sebagai pemangkin kepada semangat dalam meneruskan penyelidikan ini. Kajian ini juga di dedikasikan kepada ayahanda Allahyarham Taha Hsni dan nenda Allahyarhamah Salmiah Saad. Semoga Allah mengurniakan sebesar-besar ganjaran di atas didikan selama ini. Terima kasih juga di atas kerjasama yang diberikan oleh para informan yang terlibat dalam kajian ini serta pihak Ar-Rahnu dan Pengurus Besar Ar-Rahnu MAIDAM cawangan Kuala Terengganu, Encik Wan Farid Imran yang banyak membantu dalam memberi maklumat berkaitan Ar-Rahnu di Terengganu. Akhir sekali, buat anaknda-anaknda tercinta Muhammad Rayyan, Muhammad Raqeen dan Raisya Ameera. Terima kasih yang tidak terhingga kerana memahami dan bersama-sama dalam perjuangan ibu ini. Sesungguhnya masa yang berlalu tidak dapat ibu gantikan kembali. Semoga satu hari nanti dapat kalian juga menjadi seorang yang tidak akan berhenti mencintai ilmu.

Terima Kasih,

Emy Norlyana Taha Hsni

Julai 2021

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian.....	11
1.5 Persoalan Kajian.....	11
1.6 Definisi Operasional.....	12
1.6.1 Perniagaan Kecil.....	12
1.6.2 Peniaga Wanita.....	13
1.6.3 Pembiayaan Mikro Kredit.....	13
1.7 Kepentingan Kajian.....	14
1.8 Skop Kajian.....	18
1.9 Sumbangan Kajian.....	19
1.10 Rumusan.....	20
1.11 Organisasi Kajian.....	20

BAB 2	SOROTAN KARYA.....	22
2.1	Pendahuluan	22
2.2	Konsep Pembangunan Secara Umum.....	22
2.3	Konsep Pembangunan Ekonomi dan Pembiayaan Kewangan.....	28
2.4	Pembangunan Ekonomi Wanita.....	36
2.5	Perkembangan Pembiayaan Ar-Rahnu di Asia Tenggara.....	39
2.6	Prosedur Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu di Asia Tenggara.....	43
	2.6.1 Malaysia.....	44
	2.6.2 Indonesia.....	45
	2.6.3 Brunei Darussalam.....	48
	2.6.4 Thailand.....	50
2.7	Program Mikro Kredit Ar-Rahnu terhadap Peniaga Kecil Wanita.....	51
2.8	Tahap Kesampaian Bantuan Pembiayaan Mikro Kredit kepada Peniaga Kecil Wanita.....	56
2.9	Cabaran Peniaga Kecil Wanita mendapatkan Pembiayaan Mikro Kredit.....	61
2.10	Teori Kelas Karl Marx.....	74
2.11	Hubungkait Teori dalam Pembangunan Wanita.....	78
2.12	Kerangka Konseptual Kajian.....	80
2.13	Rumusan.....	83
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN.....	84
3.1	Pengenalan	84
3.2	Rekabentuk Kajian	85
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	90
	3.3.1 Data Primer.....	90

3.3.2	Temubual.....	91
3.3.3	Kajian Rintis.....	94
3.3.4	Pemerhatian di Lapangan.....	96
3.3.5	Key Informant.....	100
3.4	Justifikasi Pemilihan Informan.....	101
3.5	Data Sekunder.....	102
3.6	Teknik Penentuan Saiz Sampel.....	105
3.7	Analisis Kajian.....	111
3.8	Rumusan.....	131
BAB 4	FOKUS AR-RAHNU DALAM MEMPERKASAKAN PENIAGA KECIL WANITA DI TERENGGANU	132
4.1	Pengenalan	132
4.2	Ar-Rahnu sebagai Satu Skim Patuh Syariah	134
4.2.1	Skim Ar-Rahnu Bebas dari Unsur Riba'.....	135
4.2.2	Kadar Faedah di Pajak Gadai Konvensional yang Membebankan.....	137
4.3	Ar-Rahnu Membantu Peniaga Kecil Wanita	139
4.3.1	Proses Pinjaman Mudah dan Telus.....	140
4.3.2	Tempoh Pinjaman yang Panjang.....	143
4.3.3	Proses Mendapatkan Pinjaman Lebih Pantas.....	145
4.4	Ar-Rahnu Menyediakan Pinjaman Kewangan Ihsan	153
4.4.1	Ar-Rahnu Menyediakan Upah Simpan yang Rendah	154
4.4.2	Jumlah Pinjaman yang diberikan oleh Skim Ar-Rahnu Mengurangkan Beban Peniaga Kecil Wanita di Terengganu	166
4.5	Strategi Pemasaran Ar-Rahnu	175
4.5.1	Kepelbagaian Kaedah Promosi di Ar-Rahnu.....	176

4.6	Tema-Tema Lain yang Menjadi Fokus Ar-Rahnu dalam Membantu Memperkasakan Peniaga Kecil Wanita.....	185
4.6.1	Lokasi Ar-Rahnu Mudah di Akses.....	186
4.6.2	Emas sebagai Cagaran Bernilai Tinggi	190
4.7	Kesimpulan	196
BAB 5	MENGANALISIS KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCAMAN AR-RAHNU DALAM MEMBANTU PENIAGA KECIL WANITA MENGURUSKAN MODAL KERJA	198
5.1	Pengenalan	198
5.2	Kekuatan	206
5.2.1	Skim Ar-Rahnu Menawarkan Pinjaman Patuh Syariah	207
5.2.2	Skim Ar-Rahnu Menawarkan Pinjaman Mudah dan Pantas	214
5.2.3	Upah Simpan di Ar-Rahnu Membantu Peniaga Kecil Wanita Mendapatkan Pinjaman yang Tidak Membebankan.....	223
5.2.4	Had Pinjaman yang di Tawarkan di Institusi Ar-Rahnu Membantu Peniaga Kecil Wanita di Terengganu Menguruskan Modal Kerja.....	231
5.2.5	Emas sebagai Aset Cagaran yang Mudah di Cairkan.....	235
5.2.6	Lokasi Mudah di Akses Meningkatkan Penerimaan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu terhadap Skim Ar-Rahnu	243
5.2.7	Pengiklanan sebagai Strategi Pemasaran Ar-Rahnu dalam Mempengaruhi Penerimaan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu	247
5.2.8	Analisis Faktor Kekuatan.....	250
5.3	Kelemahan	251
5.3.1	Keselesaian Berurusan dengan Pajak Gadai Konvensional.....	251
5.3.2	Ketiadaan Aset yang dapat di Jadikan Cagaran di Ar-Rahnu ...	255
5.3.3	Penerimaan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu ke atas Lain-Lain Pinjaman Mikro Kredit.....	259

5.3.4	Keupayaan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu dalam Menyediakan Modal Sendiri untuk Menguruskan Perniagaan ..	266
5.3.5	Analisis Faktor Kelemahan	267
5.4	Peluang	268
5.4.1	Emas sebagai Aset Pelaburan yang Mampu Milik dan Bernilai Tinggi Berbanding Aset yang Lain.....	269
5.4.2	Upah Simpan Rendah di Ar-Rahnu Berbanding Institusi Kewangan yang Lain.....	275
5.4.3	Jumlah Masyarakat Islam telah Menjadikan Pasaran Ar-Rahnu di Terengganu Lebih Luas.....	280
5.4.4	Analisis Faktor Peluang.....	283
5.5	Ancaman	284
5.5.1	Persaingan dalam Penyediaan Produk Ar-Rahnu.....	285
5.5.2	Kurangnya Kesedaran dalam Kalangan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu tentang Bahaya Riba'.....	293
5.5.3	Ketiadaan Aset Cagaran.....	296
5.6	Kesimpulan	302
BAB 6	MENYIASAT PENERIMAAN PENIAGA KECIL WANITA TERHADAP SISTEM PEMBIAYAAN MIKRO KREDIT AR-RAHNU DALAM MENGURUSKAN PERNIAGAAN	305
6.1	Pengenalan	305
6.2	Tujuan Penerimaan Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu untuk Perniagaan.....	307
6.3	Pandangan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu terhadap Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu.....	316
6.3.1	Matlamat dan Tujuan Penggunaan Ar-Rahnu.....	318
6.3.2	Menyelesaikan Isu dan Masalah.....	328
6.4	Kesimpulan	337

BAB 7	PERBINCANGAN PENEMUAN KAJIAN	341
7.1	Pengenalan	341
7.2	Analisis Umum Pengumpulan Data.....	342
7.3	Perbincangan Tema Kajian	342
7.4	Penemuan Khusus Kajian.....	344
7.5	Kesimpulan.....	356
7.6	Implikasi Kajian	357
	7.6.1 Implikasi ke atas Falsafah Kajian	357
	7.6.2 Implikasi ke atas Dasar	365
	7.6.3 Implikasi ke atas Peniaga Kecil Wanita.....	367
7.7	Cadangan Kajian.....	368
7.8	Penutup.....	370
	BIBLIOGRAFI	375
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Prosedur Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu di MAIDAM...	44
Rajah 2.2 Prosedur Pembiayaan Mikro Kredit di Perum Pegadaian Syariah Indonesia	46
Rajah 2.3 Prosedur Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu di Bank Islam Brunei Berhad	49
Rajah 2.4 Prosedur Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu di <i>Pattani Islamic Cooperative Limited</i>	51
Rajah 2.5 Model Teori Kelas Karl Marx	76
Rajah 3.1 Rekabentuk Kajian	87
Rajah 4.1 Pencapaian Kewangan Lima Tahun Ar-Rahnu MAIDAM	163
Rajah 4.2 Peningkatan Prestasi Ar-Rahnu MAIDAM (2012-2016)	183
Rajah 7.1 Faktor-Faktor yang Menentukan Tahap Kesampaian Program Mikro Kredit Ar-Rahnu dalam Membantu Peniaga Kecil Wanita di Terengganu Melestarikan Perniagaan Mereka	343

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Laporan Pemerhatian Bukan Peserta di Pasar Payang Kuala Terengganu	97
Jadual 3.2 Laporan Pemerhatian Bukan Peserta di Pasar Ikan Kuala Berang, Terengganu	98
Jadual 3.3 Laporan Pemerhatian Bukan Peserta di Ar-Rahnu MAIDAM Kuala Terengganu	99
Jadual 3.4 Jumlah Informan yang Menggunakan Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu untuk Perniagaan	108
Jadual 3.5 Jumlah Informan yang Menggunakan Lain-Lain Mikro Kredit untuk Perniagaan	109
Jadual 3.6 Jumlah Informan yang Terdiri dari Pegawai Ar-Rahnu di Terengganu	110
Jadual 3.7 Taburan Peniaga Kecil Wanita Mengikut Institusi Ar-Rahnu yang dipilih di Terengganu	119
Jadual 4.1 Fokus Ar-Rahnu dalam Memperkasakan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu	133
Jadual 4.2 Perbezaan Margin Pinjaman yang di Tawarkan di Institusi Ar-Rahnu	167
Jadual 4.3 Cawangan Ar-Rahnu MAIDAM di Terengganu dan Tahun Penubuhan	177
Jadual 4.4 Jenis Emas yang diterima sebagai Cagaran di Ar-Rahnu MAIDAM	191
Jadual 4.5 Jenis Emas yang diterima sebagai Cagaran di Ar-Rahnu Agrobank	191
Jadual 5.1 Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman Ar-Rahnu dalam Membantu Peniaga Kecil Wanita di Terengganu Menguruskan Modal Kerja	201
Jadual 5.2 Pemilihan Institusi Ar-Rahnu dalam Kalangan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu	249
Jadual 5.3 Jumlah Penduduk Beragama Islam di Beberapa Kawasan di Terengganu Pada Tahun 2020	280

Jadual 5.4	Sejarah Penubuhan Ar-Rahnu di Malaysia	286
Jadual 5.5	Perbezaan Upah Simpan di Ar-Rahnu MAIDAM, Bank Rakyat dan Agrobank	288
Jadual 6.1	Tujuan Penggunaan Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu dalam Kalangan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu	306
Jadual 6.2	Pandangan Peniaga Kecil Wanita di Terengganu terhadap Pembiayaan Mikro Kredit Ar-Rahnu	317
Jadual 7.1	Penemuan Utama Kajian	344

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
APEC	Asia-Pacific Economic Cooperation
ARSAM	Ar-Rahnu Shop Acceptance Model
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
CIMB	Commerce International Merchant Bankers Berhad
CGC	Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
DEB	Dasar Ekonomi Negara
DWN	Dasar Wanita Negara
EON	Edaran Otomobil Nasional
KAR	Kedai Ar-Rahnu
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MBKT	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
MFI	Microfinance Institutions
MGIT	Muassasah Gadaian Islam Terengganu
MPUPK	Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan
PKB	Permodalan Kelantan Berhad
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
RMK-8	Rancangan Malaysia Ke-8
SAR	Skim Ar-Rahnu
SMEs	Small to Medium Enterprise
SWOT	Strengths, Weakness, Opportunities and Threats
SKIM	Jaminan Portfolio Islam
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga
UPS	Unit Pembangunan dan Senggaraan
YaPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Permohonan Data Peniaga Pasar Payang
Lampiran B	Surat permohonan data pelanggan Ar-Rahnu MAIDAM
Lampiran C	Soalan temubual bersama peniaga kecil wanita di Terengganu
Lampiran D	Soalan temubual bersama pegawai Ar-Rahnu MAIDAM
Lampiran E	Data jumlah peniaga wanita di Pasar Payang, Terengganu

**PERSPEKTIF PENIAGA KECIL WANITA TERHADAP PROGRAM
MIKRO KREDIT AL-RAHNU MAIDAM DI BANDARAYA KUALA
TERENGGANU**

ABSTRAK

Sokongan bantuan kewangan dalam bentuk mikro merupakan salah satu program yang dilihat mampu memperkasakan peniaga-peniaga kecil menguruskan modal pusingan perniagaan. Pengenalan skim mikro kredit Ar-Rahnu yang kini semakin popular dalam kalangan peniaga kecil khususnya wanita dilihat telah memberi nafas baharu kepada usaha mengupayaan peniaga kecil wanita dalam sektor perniagaan. Penelitian awal kajian ini mendapati taburan peningkatan peniaga kecil wanita di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu bukanlah suatu perkara yang mengejutkan, bahkan turut dikagumi. Kajian ini menghujahkan bahawa pemerksaan peniaga kecil wanita menerusi sokongan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu mampu mewujudkan ekosistem dan ketahanan peniaga kecil secara lestari dalam persekitaran perniagaan yang semakin kompleks dan mencabar. Terdapat tiga (3) objektif dalam kajian ini iaitu mengenalpasti fokus Ar-Rahnu ke arah memperkasakan peniaga kecil wanita, menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman Ar-Rahnu dalam membantu peniaga kecil wanita di Bandaraya Kuala Terengganu menguruskan modal kerja dan menilai tujuan dan pandangan peniaga kecil wanita di Bandaraya Kuala Terengganu terhadap skim pinjaman mikro Ar-Rahnu dalam melestarikan perniagaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai dua puluh satu (21) informan telah ditemubual secara mendalam. Dua belas (12) informan terdiri dari peniaga kecil wanita di Terengganu yang menggunakan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu, lapan

(8) orang peniaga kecil wanita yang tidak menggunakan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu tetapi menggunakan lain-lain mikro kredit serta seorang pegawai Ar-Rahnu di Terengganu. Hasil kajian mendedahkan bahawa terdapat enam fokus Ar-Rahnu dalam membantu peniaga kecil wanita menguruskan modal kerja iaitu kepatuhan syariah, perkhidmatan pelanggan, sistem harga, aset yang disandarkan, lokasi dan pengiklanan. Manakala, hasil kajian yang kedua mendedahkan bahawa terdapat kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dalam aspek di atas iaitu kepatuhan syariah, perkhidmatan pelanggan, sistem harga, aset yang disandarkan, lokasi dan pengiklanan. Dapatan kajian yang ketiga pula mendedahkan pandangan dan tujuan peniaga-peniaga kecil wanita di Terengganu dalam mendapatkan pembiayaan mikro kredit berdasarkan aspek kepatuhan syariah, perkhidmatan pelanggan, sistem harga, aset yang disandarkan, lokasi dan pengiklanan.

WOMEN SMALL BUSINESS PERSPECTIVE TOWARDS MAIDAM AL- RAHNU MICRO CREDIT IN THE CITY OF KUALA TERENGGANU

ABSTRACT

Financial assistance support in the form of micro is one of the programs that are seen to be able to empower small business owners to manage their working capital. The introduction of the Ar-Rahnu micro credit scheme is now increasingly popular among small business owners, especially for women, and is seen to have given a new lease of life into the efforts of empowering small business women in the business sector. Preliminary research of this study found that the increasing distribution of small business women around Kuala Terengganu City is not something that is surprising, instead it is admirable. This study indicates that the empowerment of small business women through the support of Ar-Rahnu micro credit financing is able to create a sustainable ecosystem and develop resilience of small business owners in an increasingly complex and challenging business environment. There are three (3) objectives in this study, namely to identify Ar-Rahnu's focus towards empowering women entrepreneurs, analyzing the strengths, weaknesses, opportunities and threats of Ar-Rahnu in helping small business women in Kuala Terengganu City to manage their working capital and evaluate the goals and views of these business women in Kuala Terengganu City towards the Ar-Rahnu micro loans scheme in sustaining business. This study uses a qualitative approach. A total of twenty-one (21) informants were interviewed in depth. Twelve (12) informants consisted of small business women in Terengganu who used Ar-Rahnu micro credit financing, eight (8) business women

who did not use Ar-Rahnu micro credit financing but used other micro credit financing and one (1) informant consisting of Ar-Rahnu officers in Terengganu. The results of the study revealed that there are six Ar-Rahnu targets in helping small business women in managing their working capital namely Syariah compliance, customer service, pricing system, underlying assets, location and advertising. Meanwhile, the results of the second study revealed that there are strengths, weaknesses, opportunities and threats in the above aspects, namely Syariah compliance, customer service, pricing system, underlying assets, location and advertising. The findings of the third study showed the views and objectives of small business women in Terengganu in obtaining micro credit financing based on the aspects of Syariah compliance, customer service, pricing system, underlying assets, location and advertising

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Golongan peniaga mikro, kecil dan sederhana adalah usahawan dalam kumpulan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kajian ini akan memberi fokus kepada peniaga-peniaga kecil wanita di Terengganu dalam menguruskan modal kerja berdasarkan kepada pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu

Ratusan program serta jutaan ringgit telah diperuntukkan dalam Rancangan Pembangunan Negara sebagai usaha membantu masyarakat khususnya usahawan kecil dan sederhana. Sistem kewangan Ar-Rahnu merupakan salah satu kemudahan kewangan yang ditawarkan. Program mikro kredit Ar-Rahnu merupakan sistem kewangan Islam yang secara khususnya menjadikan cagaran emas bagi memperoleh tunai dengan kadar upah yang rendah dan dipersetujui bersama peminjam dan pemberi. Malah, skim Ar-Rahnu juga merupakan satu bentuk pinjaman yang mudah untuk diaplikasikan oleh golongan peniaga kecil ini kerana prosedur pinjaman yang mudah dan pantas.

Perkembangan pesat program mikro kredit Ar-Rahnu di Malaysia hari ini dilihat telah memberi sumbangan besar kepada kelompok peniaga-peniaga kecil khususnya bagi peniaga wanita. Justeru, kajian ini terpanggil bagi melihat perspektif peniaga-peniaga kecil wanita khususnya di Terengganu terhadap keupayaan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu dalam memperkasakan perniagaan mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini cuba melihat bagaimana peniaga kecil menggunakan Ar-Rahnu sebagai modal dalam membangunkan perniagaan mereka

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Peniaga kecil wanita juga memainkan peranan yang penting kepada pembangunan ekonomi negara melalui kepelbagaian aktiviti ekonomi melalui perniagaan yang dilakukan. Kemampuan peniaga kecil wanita ini dalam menyumbang kepada ekonomi negara perlu dimanfaatkan dengan meluaskan peluang-peluang pembiayaan mikro kredit agar dapat membantu golongan peniaga ini untuk terus berdaya maju

Ar-Rahnu merupakan salah satu bentuk pembiayaan mikro kredit yang merupakan alternatif terbaik dalam membantu golongan peniaga wanita ini menjana perniagaan mereka. Kebanyakan peniaga wanita ini berpeluang memanfaatkan aset emas yang mereka miliki sama ada dari logam emas atau berlian sebagai cagaran bagi mendapatkan kredit tunai yang boleh digunakan untuk membangunkan lagi perniagaan yang mereka usahakan. Selain itu, terdapat sesetengah masyarakat menjadikan emas sebagai syarat utama dalam adat melamar. Bagi masyarakat hari ini pula, semakin banyak emas yang dipakai oleh seseorang wanita akan semakin tinggi darjat mereka. Wanita mempunyai hak sepenuhnya terhadap harta mereka termasuk emas (Fauziyah et al. 2019). Hak wanita dalam melakukan apa sahaja terhadap harta mereka sama ada untuk keperluan peribadi atau sebagai aset pelaburan. Perihal yang sama dilihat dari perspektif wanita sebagai peniaga yang menjalankan perniagaan terutama dalam kalangan peniaga wanita di negeri-negeri Pantai Timur. Peniaga-peniaga wanita ini menggunakan barang kemas mereka miliki sebagai aset pelaburan bagi mendapatkan pinjaman modal untuk memperkasakan lagi perniagaan mereka.

Ar-Rahnu berperanan sebagai salah satu alternatif dalam penyediaan pembiayaan mikro kredit kepada peniaga kecil wanita. Objektif penubuhan skim Ar-

Rahnu di Malaysia adalah untuk memberi bantuan atau sokongan kewangan kepada peniaga kecil khususnya dalam kalangan peniaga wanita. Peniaga-peniaga kecil ini boleh menggunakan skim Ar-Rahnu sebagai salah satu elemen untuk memperkasakan perniagaan mereka. Institusi-institusi Ar-Rahnu di Malaysia seharusnya peka dalam menarik lebih ramai golongan peniaga wanita untuk mendapatkan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu. Seperti objektif penubuhan Ar-Rahnu MAIDAM adalah untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat Islam di Terengganu terutamanya bagi peniaga kecil dan sederhana melalui pemberian bantuan kewangan ihsan kepada golongan berpendapatan rendah dan peniaga-peniaga kecil.

Berdasarkan kepada konteks penubuhan Ar-Rahnu di Malaysia, Ar-Rahnu MAIDAM merupakan institusi Ar-Rahnu pertama yang ditubuhkan pada tahun 1992 di bawah kerajaan negeri. Institusi perbankan pertama yang memperkenalkan skim Ar-Rahnu pada 27 Oktober 1993 ialah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dengan permulaan modal sejumlah lima juta yang telah diberikan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Bank Rakyat memulakan pembukaan skim Ar-Rahnu melalui lima buah cawangan yang diperkenalkan pada tahun 2003. Bank Rakyat telah mempunyai 106 cawangan Ar-Rahnu yang telah berkembang pesat di Malaysia (Payal Harshad Bhatt et.al, 2008). Menurut Azila Abdul Razak (2014) pada Ogos 2002 pula, YaPEIM telah menubuhkan skim Ar-Rahnu di Bank Pertanian Malaysia (Agrobank) setelah Agrobank mengadakan Perjanjian Persefahaman dengan Bank Rakyat yang telah berkerjasama untuk meluaskan lagi instrumen kewangan Islam¹. Agrobank juga

¹ Cambridge IF Analytica, A Case Study on Agrobank, page. 11

adalah salah satu diantara institusi perbankan terawal yang menawarkan skim Ar-Rahnu kepada pelanggan.

Skim Ar-Rahnu mempunyai keistimewanya yang tersendiri berbanding instrumen kewangan gadaian yang lain. Antaranya ialah program mikro kredit Ar-Rahnu merupakan skim patuh syariah yang tidak mengenakan kadar faedah bagi setiap nilai cagaran. Ia digantikan dengan upah simpan sebagai caj kepada pengurusan, keselamatan, tenaga kerja dan kelangsungan operasi yang dijalankan. Dari sudut pengoperasian, operasi Ar-Rahnu MAIDAM menawarkan pinjaman dengan memberi hutang bercagar pada kadar upah yang rendah di bawah sistem yang selari dengan kehendak Islam. Upah simpan yang dikenakan di Ar-Rahnu MAIDAM adalah rendah kerana matlamat MAIDAM adalah untuk memberi pinjaman ihsan bagi membantu masyarakat miskin dan peniaga-peniaga kecil yang memerlukan kredit tunai dengan kadar segera. Menurut Fathi Syakirin assan et al. (2015) menyatakan bahawa upah simpan di Ar-Rahnu juga telah menarik pelanggan dari kalangan masyarakat bukan Islam berbanding caj perkhidmatan konvensional.

Asiah Alkharib dan Salmy Edawati (2018) pula mendapati upah simpan merupakan faktor yang telah menyumbang kepada keupayaan Ar-Rahnu yang ditawarkan oleh koperasi. Bahari et al. (2015) pula menyatakan kebanyakan pelanggan memilih Ar-Rahnu MAIDAM kerana upah simpan yang dikenakan adalah lebih rendah. Faktor upah simpan ini menjadi di antara aspek terpenting dalam menyediakan sumber kewangan kepada penyedia perkhidmatan dan membantu lebih ramai pelanggan untuk mendapatkan pembiayaan mikro kredit dengan jaminan keselamatan terhadap barang gadaian tersebut. Selari dengan matlamat skim Ar-Rahnu iaitu untuk

membantu masyarakat mendapat pembiayaan modal dengan mudah tanpa perlu menanggung beban ‘bunga’ yang tinggi.

Menurut Nur Hidayatul Solehah Osman et al. (2020) menyatakan bahawa Ar-Rahnu adalah satu bentuk pembiayaan mikro kredit yang boleh dijadikan sumber kewangan bagi membangunkan perniagaan peniaga-peniaga kecil ini. Di dalam kajian Asiah Alkharib dan Salmi Edawati (2018) mendapati tiga per empat responden yang telah ditemubual merupakan penggadai dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana yang menggunakan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu sebagai modal pusingan perniagaan. Kajian yang dilakukan oleh Haslinah Muhamad et al. (2019) pula mendapati bahawa pelanggan yang mempunyai aset cagaran lebih cenderung mencari pembiayaan jangka pendek kerana ia merupakan alternatif yang lebih mudah dan menawarkan caj yang lebih rendah. Pembiayaan mikro kredit ini secara tidak langsung telah membantu golongan yang memerlukan kredit tunai segera.

Melalui penawaran pinjaman yang lebih mudah ini juga, peminjam akan berasa lebih selesa mendapatkan pembiayaan mikro kredit dari skim Ar-Rahnu. Salah satu dari kemudahan pinjaman yang ditawarkan oleh Ar-Rahnu adalah seperti tempoh bayaran balik pinjaman yang lebih panjang ditawarkan kepada pelanggan yang mempunyai masalah untuk menebus barangan mengikut tempoh masa yang ditetapkan (Shabbir dan Malik 2019). Toleransi dari pihak Ar-Rahnu ini dapat menarik lebih ramai pelanggan yang memerlukan pembiayaan mikro kredit untuk menerima skim Ar-Rahnu kerana lebih selesa untuk berurusan dengan pihak Ar-Rahnu.

Proses pinjaman Ar-Rahnu yang lebih telus di mana setiap urusan gadaian akan dilakukan di depan pelanggan dan tempoh proses gadaian yang pantas akan menyebabkan pelanggan lebih meyakini skim Ar-Rahnu berbanding skim gadaian

konvensional. Menurut Nur Hidayatul Solehah Osman et al. (2020) proses pinjaman yang mudah dan telus di institusi Ar-Rahnu berbanding institusi kewangan yang lain telah mempengaruhi penerimaan pelanggan terhadap skim Ar-Rahnu

Pada masa kini, setelah pelbagai lapisan masyarakat khususnya umat Islam mula menyedari akan kelebihan program mikro kredit Ar-Rahnu ini menyebabkan permintaan ke atasnya semakin meningkat. Akibat dari permintaan yang tinggi ini menyebabkan institusi Ar-Rahnu telah ditubuhkan di serata negeri sama ada melalui koperasi atau institusi perbankan. Berdasarkan kepada penubuhan institusi Ar-Rahnu yang lebih pesat ini telah menarik pelbagai lapisan masyarakat untuk mendapatkan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu terutamanya bagi golongan wanita yang mempunyai aset emas. Golongan ini termasuklah peniaga-peniaga kecil wanita yang memerlukan pinjaman kewangan untuk memperkasakan lagi perniagaan mereka.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Isu berkaitan kesukaran peniaga kecil mendapatkan pembiayaan mikro kredit dari institusi kewangan telah lama berlaku. Kesukaran ini menyebabkan golongan peniaga kecil terutamanya peniaga-peniaga yang ingin memulakan perniagaan mengalami kesukaran dalam menyediakan modal perniagaan. Malahan, prosedur pinjaman yang panjang dan rumit menambahkan lagi bebanan kepada golongan peniaga kecil ini.

Terdapat pelbagai masalah yang menyebabkan kebanyakan institusi kewangan kurang berminat untuk memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil ini. Antaranya ialah disebabkan oleh aktiviti keusahawanan yang dilakukan oleh peniaga

kecil adalah berskala kecil, prestasi perniagaan yang tidak konsisten dan kekurangan tenaga mahir telah menyebabkan peniaga-peniaga kecil ini tidak mendapat kepercayaan daripada institusi-institusi kewangan kerana tiada jaminan bayaran balik pinjaman. Situasi ini akan menyebabkan peniaga kecil kurang berdaya maju untuk terus membangunkan perniagaan mereka dalam tempoh yang lebih panjang kerana perlu menghadapi permasalahan berkaitan kekurangan sumber kewangan.

Sesetengah dari peniaga kecil ini juga menggunakan pinjaman yang diperoleh bagi tujuan peribadi seperti membayar pinjaman kenderaan, membayar sewa rumah dan sebagainya. Situasi tersebut menunjukkan bahawa pinjaman yang diperoleh tidak digunakan untuk aktiviti produktif bagi meningkatkan keuntungan perniagaan dan akhirnya sukar untuk membuat bayaran balik pinjaman. Menurut Norhaziah Nawai et al. (2013) menyatakan bahawa terdapat enam responden yang terdiri daripada peniaga kecil di Malaysia menyatakan bahawa mereka telah menggunakan pinjaman perniagaan yang dilakukan untuk tujuan selain dari perniagaan Norhaziah Nawai et al. (2013)

Selain itu, kebanyakan peniaga kecil terutamanya peniaga-peniaga wanita mengalami kesukaran membahagikan masa di antara keluarga dan perniagaan. Ini menyebabkan keupayaan peniaga wanita ini terbatas untuk terus berdaya maju di dalam perniagaan mereka. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Rohana Yusof et al. (2013) yang menyatakan bahawa sejumlah 64 peratus peniaga wanita di Pasar Besar Padang Besar, Perlis yang mempunyai masalah dalam memberi keseluruhan komitmen terhadap perniagaan disebabkan oleh tanggungjawab terhadap keluarga.

Nurul Yasmin Nazri dan Nazri Halim (2021) juga menyatakan bahawa peniaga-peniaga kecil wanita ini juga menghadapi masalah sosial seperti di halang oleh keluarga disebabkan oleh kerisauan pasangan melepaskan isteri mereka menguruskan perniagaan. Malahan, masalah berkaitan anak-anak dan mertua juga antara faktor penghalang kepada peniaga kecil wanita ini dalam meneruskan perniagaan mereka.

Kebanyakan Perniagaan Kecil diusahakan oleh golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai aset atau barang cagaran yang bernilai tinggi yang diperlukan oleh institusi perbankan sebagai jaminan pinjaman. Malah, kelemahan perkhidmatan institusi mikro kredit juga menyebabkan peniaga kecil ini sukar mendapatkan pinjaman. Kelemahan ini termasuklah isu kerenah birokrasi, beban kadar faedah yang tinggi, keperluan kepada cagaran yang bernilai tinggi seperti tanah dan rumah, keperluan kepada penyediaan penjamin serta syarat-syarat pinjaman yang terlalu ketat dikenakan oleh bank komersial terhadap peniaga-peniaga kecil ini (Mohamed Rashid, 2008).

Kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan modal ini menyebabkan sesetengah peniaga ini beralih kepada pinjaman berisiko tinggi seperti pinjaman tidak berlesen 'ah long' dan pajak gadai konvensional yang mengenakan kadar faedah yang tinggi. Oleh itu, melalui program mikro kredit Ar-Rahnu dapat menjadi salah satu alternatif kepada peniaga-peniaga kecil dan golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan pembiayaan mikro kredit dengan penyediaan aset cagaran yang lebih rendah dan permohonan yang lebih mudah (Asri Noer Rahmi, 2013). Namun, Mohd Maliki Kamarul Zaman dan Norasmah Othman (2018) menyatakan kebanyakan peniaga kecil wanita FELCRA BERHAD menggunakan sumber kewangan sendiri bagi memulakan perniagaan. Malah, kebanyakan peniaga wanita ini lebih selesa

berhutang dengan pembekal dari membuat pinjaman dari mana-mana insituti kewangan. Selain itu, peniaga kecil wanita ini juga menghadapi masalah untuk mengutip hutang dengan pelanggan. Faktor jantina ini menyebabkan sebahagian peniaga wanita ini ditindas dan akibatnya, perniagaan mereka kurang berdaya maju.

Walaupun bagaimanapun, Ar-Rahnu merupakan institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan mikro kredit yang mudah dan pantas kepada peniaga-peniaga kecil ini khususnya golongan wanita. Kesedaran peniaga wanita ini terhadap pinjaman Ar-Rahnu amat penting kerana Ar-Rahnu merupakan alternatif terbaik bagi peniaga-peniaga ini memperoleh kredit tunai dengan segera. Ini kerana pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu adalah salah satu bentuk pinjaman yang mudah dengan hanya mencagarkan aset emas yang mereka miliki. Proses pinjaman juga adalah pantas dan kredit tunai akan diperoleh serta-merta. Prosedur pinjaman yang mudah ini dapat membantu memperkasakan peniaga kecil wanita untuk terus menikmati kemampanan dalam membangunkan perniagaan mereka melalui cagaran aset emas yang mereka miliki.

Keunikan peniaga-peniaga wanita di negeri pantai timur ini juga telah membuka peluang kepada institusi Ar-Rahnu dalam menyalurkan pembiayaan mikro kredit yang mudah terhadap peniaga-peniaga ini. Budaya tidak suka berhutang menyebabkan kebanyakan dari peniaga wanita ini lebih selesa menggunakan modal sendiri dari mendapatkan pinjaman kewangan dari institusi perbankan. Ini dapat dilihat dari kajian Norshabiha Ibrahim dan Sharifah Rohayah (2020) yang menunjukkan sejumlah 80 peratus peniaga kecil wanita di Kelantan menggunakan modal sendiri bagi memulakan perniagaan mereka. Peniaga-peniaga kecil wanita di negeri pantai timur ini juga mempunyai budaya menyimpan emas sebagai aset jangka panjang. Ini dapat dilihat apabila peniaga wanita di Pasar Kota Bharu dapat meneruskan perniagaan

walau berlakunya kemerosotan ekonomi disebabkan aset emas yang mereka miliki (Norshabiha Ibrahim dan Sharifah Rohayah, 2020).

Atas sebab itu, kajian ini dilakukan terhadap peniaga-peniaga kecil wanita di Terengganu bagi melihat perspektif peniaga-peniaga ini terhadap pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu. Perspektif yang akan dikaji adalah dari sudut faktor-faktor yang mendorong peniaga-peniaga ini memilih pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu. Selamah dan Abdul Ghafar (2006) menyatakan bahawa pajak gadai menawarkan pembiayaan mikro kredit jangka pendek untuk tujuan seharian dan menyediakan pinjaman kewangan untuk perniagaan khususnya dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana. Selamah (2013) menyatakan bahawa kebanyakan pelanggan Ar-Rahnu berpuas hati dengan pinjaman mikro kredit yang disediakan oleh institusi Ar-Rahnu. Kajian tersebut juga mendapati tiga perempat responden yang ditemubual telah menggunakan pinjaman dari Ar-Rahnu untuk aktiviti produktif iaitu untuk membangunkan lagi perniagaan mereka.

Aktiviti keusahawanan adalah salah satu dari sumber ekonomi utama negara yang telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara. Atas sebab itu, perlunya institusi kewangan menyediakan program mikro kredit kepada peniaga-peniaga kecil ini agar mereka lebih mudah mendapatkan dana bagi menjalankan aktiviti keusahawanan dengan lebih produktif. Hal ini dapat dilihat dengan kewujudan ramai peniaga kecil di Terengganu terutamanya peniaga wanita yang menjalankan pelbagai cabang perniagaan. Berdasarkan Rekod Yayasan Pembangunan Usahawan (2016) menunjukkan bahawa sejumlah 132 Peniaga Kecil dan Sederhana di Kuala Terengganu yang mengusahakan pelbagai jenis perusahaan atau perniagaan seperti makanan, kraftangan, songket dan batik.

Sehubungan itu, berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini akan melihat perspektif utama yang telah membantu peniaga kecil wanita di Terengganu memperkasakan perniagaan mereka. Kajian ini juga akan mengenalpasti fokus pelaksanaan operasi gadaian Ar-Rahnu MAIDAM di Terengganu. Kajian ini berbeza dari kajian-kajian lepas kerana lompang dalam kajian ini adalah dengan meletakkan fokus kepada jantina di mana kajian sebelum ini tidak melihat jantina sebagai keutamaan

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti fokus Ar-Rahnu ke arah memperkasakan peniaga kecil wanita di Bandaraya Kuala Terengganu
2. Menganalisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman Ar-Rahnu dalam membantu peniaga kecil wanita di Bandaraya Kuala Terengganu menguruskan modal kerja
3. Menilai tujuan dan pandangan peniaga kecil wanita di Bandaraya Kuala Terengganu terhadap skim pinjaman mikro kredit Ar-Rahnu dalam melestarikan perniagaan

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti perspektif peniaga-peniaga kecil wanita di Kuala Terengganu terhadap pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu dalam membangunkan perniagaan mereka. Kajian ini akan mengenalpasti

perspektif utama yang mendorong peniaga-peniaga wanita ini memilih skim Ar-Rahnu sebagai salah satu instrumen kewangan yang telah membantu mereka memperkasakan perniagaan. Perspektif peniaga-peniaga wanita ini akan dianalisis berdasarkan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan peniaga-peniaga kecil ini terhadap pinjaman mikro kredit Ar-Rahnu. Atas sebab itu, beberapa persoalan kajian diperlukan bagi menjawab setiap persoalan berkaitan kajian ini, iaitu:

- i. Apakah fokus Ar-Rahnu dalam memperkasakan peniaga kecil wanita?
- ii. Bagaimanakah kekuatan, peluang dan ancaman dalam membantu peniaga kecil wanita menguruskan modal kerja?
- iii. Apakah faktor yang mempengaruhi penerimaan peniaga kecil wanita terhadap pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu?
- iv. Sejauh manakah tujuan dan pandangan peniaga kecil wanita di Bandaraya Kuala Terengganu terhadap skim pinjaman mikro kredit Ar-Rahnu dalam melestarikan perniagaan?

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Terdapat tiga kata kunci utama dalam kajian ini. Ia terdiri daripada perniagaan kecil, peniaga wanita dan pembiayaan mikro kredit. Bahagian ini adalah untuk menjelaskan definisi bagi setiap kata kunci yang digunakan dalam kajian ini:

1.6.1 Perniagaan Kecil

Peniaga kecil wanita di dalam kajian ini merujuk kepada jenis perniagaan yang dapat membantu menjana ekonomi sesebuah masyarakat. Mengikut Abdul Rachman (2011) perniagaan kecil ini adalah sebuah perniagaan yang tidak melibatkan ramai orang iaitu bilangan pekerja berbeza mengikut negara. Perniagaan kecil ini juga

menggunakan modal kewangan yang kecil bagi menjalankan perniagaannya. Jumlah modal bagi sesebuah perniagaan akan mempengaruhi keuntungan perniagaan tersebut. Bagi perniagaan kecil, keuntungan yang diperoleh juga adalah kecil.

1.6.2 Peniaga Wanita

Pada hari ini, telah ramai peniaga wanita yang muncul dalam dunia perniagaan dan kebanyakan dari mereka telah berjaya seiring dengan peniaga-peniaga lelaki. Malah, kebanyakan peniaga-peniaga wanita ini juga mempunyai sifat berdaya maju dan agresif dalam melakukan pelbagai tindakan dalam membuat keputusan berkaitan perniagaan (Faridah, 2000). Thuaibah Abu Bakar et al. (2007) juga menyatakan bahawa peniaga kecil wanita adalah individu yang menceburi bidang perniagaan dengan mengurus dan mengambil risiko dalam membangunkan perniagaan mereka. Shalini Sinha (2005) menyatakan peniaga wanita juga adalah golongan peniaga Kecil dan Sederhana (PKS). Selain itu, peniaga wanita juga adalah golongan yang mempunyai motivasi yang tinggi bagi menaikkan taraf hidup keluarga dan keluar dari kebergantungan terhadap kaum lelaki. Ravi Nagarathanam (2015) menjelaskan peniaga wanita mempunyai kemahiran dalam membentuk kerja baru untuk diri sendiri dan masyarakat

1.6.3 Pembiayaan Mikro Kredit

Pembiayaan mikro kredit adalah satu bentuk pinjaman kewangan yang disediakan oleh institusi kewangan dengan jaminan cagaran dan telah dipersetujui untuk melangsaikan pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Pembiayaan merangkumi penyediaan wang atau cagaran berharga yang dipersetujui antara institusi

kewangan seperti perbankan dengan pihak lain yang mewajibkan pihak peminjam mengembalikan pinjaman kewangan tersebut beserta ganjarannya pada jangkamasa yang telah ditetapkan (Muhamad Turmudi, 2017)

Mikro kredit didefinisikan sebagai kredit tunai yang diberikan kepada pelanggan institusi kewangan sama ada secara langsung atau tidak (Lukytawati Anggraeni, 2013). Schreiner dan Colombet (2001) menyatakan, pembiayaan mikro kredit adalah pemberian pinjaman dengan nilai ekonomi agar dapat mencipta bentuk peluang pekerjaan dan ia dapat membantu memperbaiki kehidupan golongan miskin (Hurriah Ali Hassan, 2016).

Walaupun terdapat pelbagai agensi menyediakan pembiayaan kepada peniaga kecil wanita, namun peniaga-peniaga ini masih menghadapi kesukaran dalam mendapatkan dana-dana tersebut. Antara aspek utama yang menghalang peniaga kecil wanita ini dari mendapat akses kepada dana ialah masalah birokrasi (Nik Hadiyan Nik Azman et al. 2016).

Secara kesimpulannya, pembiayaan mikro kredit boleh didefinisikan sebagai satu sumber perkhidmatan kredit atau kewangan yang berusaha untuk membantu meningkatkan taraf hidup golongan miskin dan melindungi mereka dari hilang mata pencarian (Margaret Mutengezanwa, 2011).

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Skim Ar-Rahnu adalah satu instrumen kewangan Islam yang diwujudkan bagi membantu memberi pinjaman patuh syariah serta melindungi masyarakat dari terus ditindas oleh institusi gadaian konvensional. Skim Ar-Rahnu juga boleh dijadikan alternatif kepada pelanggan yang sukar mendapatkan pinjaman dari institusi

perbankan. Peniaga-peniaga kecil misalnya boleh memanfaatkan pinjaman dari skim Ar-Rahnu memandangkan skim ini memberi pinjaman serta merta melalui prosedur yang lebih mudah.

Bilangan peniaga kecil dan sederhana di Malaysia adalah sejumlah 97.3 peratus dan hasil dari perniagaan peniaga-peniaga kecil ini telah menyumbang kepada peningkatan KDNK negara dari 28.1 peratus pada tahun 2003 kepada 31.9 peratus pada tahun 2010 dan 32 peratus pada tahun 2012². Namun, prestasi peniaga kecil dan sederhana di Malaysia masih belum boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan sumbangan peniaga-peniaga kecil terhadap KDNK bagi negara-negara maju. Hal ini disebabkan oleh sumber pembiayaan modal perniagaan yang masih terhad dan sukar diperoleh (Rosli Mohd Saad, 2014).

Justeru, perlunya kajian-kajian bagi mengupas berkaitan tahap kesampaian pembiayaan mikro kredit terhadap peniaga-peniaga kecil dan keberkesanannya dalam membantu mereka memperkembangkan lagi perniagaan. Kajian ini penting agar dapat membasmi kemiskinan di dalam negara kerana peniaga kecil telah banyak membantu menyumbang kepada ekonomi negara. Justeru, kajian ini penting kepada:

1. Kerajaan kerana kajian ini diharapkan dapat mengenalpasti perkembangan, permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil di Malaysia. Pihak kerajaan juga secara tidak langsung dapat memanfaatkan hasil kajian ini untuk meningkatkan lagi bantuan dana kepada peniaga-peniaga ini agar mereka dapat terus berdaya maju sekaligus membangunkan ekonomi negara.

² Bank Negara Malaysia, 2011

2. Institusi kewangan Islam kerana kajian ini dapat mengenalpasti fokus institusi Ar-Rahnu di Terengganu meliputi faktor kepatuhan syariah, perkhidmatan pelanggan, sistem harga, aset yang disandarkan, lokasi dan pengiklanan. Fokus yang terdapat di dalam program mikro kredit Ar-Rahnu dapat meningkatkan penerimaan pelanggan terutamanya peniaga kecil wanita di Terengganu terhadap skim Ar-Rahnu. Hasil kajian yang dilakukan oleh Rossidi Usop et al. (2018) mendapati bahawa kejayaan usahawan Bumiputera di Terengganu adalah disebabkan oleh faktor pembangunan modal insan yang meliputi pendidikan dan latihan kepada para pekerja, bantuan pinjaman daripada institusi kewangan formal seperti bank dan agensi, akses pemasaran untuk berkembang sehingga ke pasaran luar negara, teknologi moden, kemampuan berinovasi dan bantuan infrastruktur yang baik seperti pengangkutan, komunikasi dan logistik (Rossidi Usop et al. 2018).

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu institusi kewangan Islam seperti Ar-Rahnu untuk menambahbaik perkhidmatan dan produk sedia ada agar dapat membantu golongan berpendapatan rendah dan peniaga-peniaga kecil untuk memperkasakan perniagaan mereka

3. Industri IKS khususnya dalam kalangan peniaga kecil untuk mendapatkan sumber pembiayaan mikro kredit dengan mudah. Kajian ini akan mengenalpasti fokus program mikro kredit Ar-Rahnu dalam membantu peniaga kecil wanita memperkasakan perniagaan mereka. Kajian ini juga akan melihat faktor-faktor utama di dalam program mikro kredit Ar-Rahnu telah membantu peniaga kecil wanita ini menguruskan modal kerja. Berdasarkan faktor-faktor tersebut juga dapat mengenalpasti elemen utama yang telah mempengaruhi peniaga-peniaga ini menerima pembiayaan Ar-Rahnu. Di

akhir kajian ini, diharapkan dapat membantu institusi Ar-Rahnu khususnya di Terengganu untuk menambahbaik program sedia ada agar dapat membantu lebih ramai peniaga kecil khususnya golongan wanita untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka.

4. Ahli akademik kerana penyelidik mendapati kajian berkaitan penerimaan terhadap sesuatu instrumen kewangan berdasarkan gender masih belum banyak dilakukan. Atas sebab itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan untuk penyelidikan seterusnya berkaitan dengan pembiayaan mikro kredit ke atas peniaga-peniaga wanita. Di harapkan melalui kajian ini, akan ada kajian selanjutnya yang dapat mengupas strategi pelaksanaan di institusi kewangan Islam yang dapat membantu usahawan mikro dalam mendapatkan pinjaman kewangan sekaligus mengurangkan kadar kemiskinan negara

Hasil kajian diharapkan dapat diaplikasikan di institusi kewangan Islam yang lain agar dapat menarik lebih ramai lagi masyarakat memilih instrumen kewangan yang bebas dari *riba*'. Kajian ini juga dapat mengisi lompang literatur kerana kajian lepas berkaitan tahap kesempaian pembiayaan mikro kredit dalam kalangan peniaga kecil wanita masih belum banyak dilakukan.

Malah, kajian berkaitan peniaga-peniaga kecil terutamanya golongan wanita di Malaysia masih kurang jika dibandingkan dengan negara lain. Melalui hasil kajian yang diperolehi, diharapkan dapat memberi gambaran bagi menerangkan faktor penerimaan pengguna dalam memilih produk pembiayaan mikro kredit khususnya dalam sistem kewangan Islam dan semoga kajian ini dapat melahirkan cadangan atau polisi yang dapat membantu semua pihak yang terlibat.

1.8 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini meliputi institusi Ar-Rahnu yang terdapat di sekitar bandaraya Kuala Terengganu. Kajian ini akan melihat konsep pelaksanaan institusi-institusi kewangan Islam yang dipilih iaitu Ar-Rahnu dan institusi perbankan yang menjalankan operasi Ar-Rahnu di Terengganu. Institusi-institusi yang menyediakan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu ini pasti mempunyai strategi tersendiri dalam menarik minat pelanggan-pelanggan khususnya dalam kalangan peniaga kecil untuk berurusan di premis mereka. Kajian ini akan dilakukan di negeri Terengganu dengan memberi fokus kepada Ar-Rahnu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)

Pemilihan responden yang terlibat dalam kajian ini pula adalah dalam kalangan peniaga kecil wanita di sekitar Kuala Terengganu yang menggunakan Ar-Rahnu sebagai modal perniagaan, sebagai sokongan bantuan perniagaan dan untuk keperluan peribadi. Selain itu, terdapat juga informan yang terdiri dari pegawai Ar-Rahnu. Peniaga kecil wanita yang tidak pernah menggunakan Ar-Rahnu juga dijadikan informan kajian agar dapat melihat faktor kelemahan dan ancaman yang terdapat dalam sistem Ar-Rahnu menyebabkan mereka tidak tertarik untuk mendapatkan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu

Dari sudut metoodologi, kajian ini memfokus kepada bentuk kajian kualitatif di mana ianya menggunakan teknik temubual. Teknik pemilihan ini adalah berdasarkan kepada kaedah *snowballing*.

1.9 SUMBANGAN KAJIAN

1. Kajian ini dapat membantu industri PKS khususnya peniaga kecil wanita untuk mendapatkan pembiayaan mikro kredit dengan mudah, memperkasakan perniagaan mereka, menambah peluang perniagaan, membantu meningkatkan taraf hidup peniaga wanita dan membangunkan ekonomi usahawan wanita di Malaysia
2. Kajian ini dapat memberi lebih peluang kepada golongan muda khususnya peniaga-peniaga kecil wanita, ibu tunggal dan sebagainya di Malaysia agar dapat membangunkan lagi perniagaan mereka. Situasi ini juga dapat meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan wanita, mengurangkan pengangguran, mengurangkan kadar kemiskinan dan membangunkan ekonomi negara
3. Kajian ini juga dapat meningkatkan mutu kualiti program mikro kredit Ar-Rahnu di Malaysia sebagai salah satu instrumen kewangan Islam yang akan menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara
4. Kajian ini dapat meningkatkan kualiti penghasilan produk Ar-Rahnu agar dapat menyediakan kaedah dan konsep terbaik kepada pelanggan khususnya yang beragama Islam
5. Kajian ini juga dapat menjadi kayu ukur kepada setiap institusi Ar-Rahnu agar dapat menghasilkan strategi yang lebih berkesan bagi menarik peniaga-peniaga kecil untuk mendapatkan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu untuk aktiviti produktif
6. Kajian ini dapat menyalurkan maklumat penting kepada setiap institusi Ar-Rahnu supaya dapat menghasilkan pelan strategi pemasaran yang lebih efektif

1.10 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah menjelaskan struktur kajian yang akan dijalankan di mana ia meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional serta skop dan limitasi kajian. Bab ini juga akan menjelaskan dengan lebih terperinci berkaitan situasi yang telah dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil khususnya golongan wanita di Malaysia serta permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam mendapatkan pembiayaan mikro kredit. Seterusnya, bab ini juga memberi penjelasan berkaitan program mikro kredit Ar-Rahnu yang boleh dijadikan alternatif kepada peniaga-peniaga kecil wanita dalam mendapatkan pembiayaan mikro kredit untuk memperkasakan lagi perniagaan mereka. Bahagian seterusnya iaitu bab kedua akan menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan literatur dan kajian-kajian lepas serta pembinaan model kajian bagi menyokong kajian ini.

1.11 ORGANIASAI KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada lapan bab. Kajian ini bermula dari bab 1 iaitu pengenalan yang merangkumi pendahuluan kajian, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, skop kajian dan sumbangan kajian. Di dalam bab 2 pula, kajian ini mengandungi kajian-kajian lepas dan sorotan karya. Kebanyakan kajian yang berkisar tentang peniaga kecil wanita, pembiayaan mikro kredit dan Ar-Rahnu telah dijadikan sumber rujukan untuk kajian ini. Di dalam bab 3 pula, mengandungi metodologi kajian. Dalam bab tersebut, kajian ini akan mengupas berkaitan dengan

kaedah kajian iaitu rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data, justifikasi pemilihan informan kajian, Teknik penentuan saiz sampel dan analisis kajian.

Di dalam bab 4 pula, kajian memberi fokus kepada Ar-Rahnu dalam memperkasakan peniaga kecil wanita di Terengganu. Di dalam bab ini, kajian merangkumi topik Ar-Rahnu sebagai satu skim patuh syariah, Ar-Rahnu membantu peniaga kecil wanita, Ar-Rahnu menyediakan pinjaman kewangan ihsan, strategi pemasaran Ar-Rahnu, tema-tema lain yang menjadi fokus Ar-Rahnu dalam membantu memperkasakan peniaga kecil wanita dan pencapaian objektif kajian yang pertama. Bab ke-5 menghuraikan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman Ar-Rahnu dalam membantu peniaga kecil wanita menguruskan modal kerja. Bab ini akan menganalisis faktor kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman serta pencapaian objektif yang kedua. Manakala bab ke-6 akan menyiasat penerimaan peniaga kecil wanita terhadap system pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu dalam menguruskan perniagaan mereka. Bab ini akan melihat aspek tujuan penerimaan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu untuk perniagaan, pandangan peniaga kecil wanita di Terengganu terhadap pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu dan pencapaian objektif kajian yang ketiga.

Bab ke-7 pula adalah hasil kajian berdasarkan analisis kajian yang telah dilakukan dan juga bab ini adalah bahagian penutup dan rumusan bagi kajian ini. Bab ini merangkumi analisis umum pengumpulan data, perbincangan tema kajian, penemuan khusus kajian, kesimpulan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian dan penutup dalam kajian ini

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 PENDAHULUAN

Bahagian sorotan karya ini merupakan bahagian penting yang menetengahkan konsep-konsep khusus berkaitan dengan konsep pembangunan, teori-teori pembangunan dan pendekatan pembangunan dalam memperkasakan peniaga wanita.

Lompang utama kajian ini ialah untuk melihat peniaga kecil wanita dalam menggunakan pembiayaan mikro kredit Ar-Rahnu sebagai sumber modal kerja mereka kerana kurangnya kajian yang membincangkan aspek ini secara ilmiah. Melalui sorotan karya dapat memandu kajian ini untuk membina kerangka konseptual. Hasil daripada sorotan karya ini dapat menjadi panduan bagi mencapai objektif kajian.

2.2 KONSEP PEMBANGUNAN SECARA UMUM

Pembangunan didefinisikan sebagai satu proses pertumbuhan ekonomi, keupayaan untuk mewujudkan pembangunan secara modenisasi dan industrialisasi serta memenuhi hak keperluan asas masyarakat dan *environmentalisme* (Ahmad Shukri Mohd Naim dan Rosman Md. Yusoff, 2003). Nugroho, Iwan dan Rokhimin (2004) pula menyatakan pembangunan adalah suatu keadaan di mana berlakunya pelbagai inovasi dalam mencipta lebih banyak alternatif kepada setiap warga negara agar dapat mencapai proses inovasi yang dapat meningkatkan taraf hidup manusia.

Siagian dan Sondang (1994) pula menyatakan pembangunan adalah satu usaha pertumbuhan yang telah direncanakan oleh sesebuah negara, pemerintah dan bangsa dalam menuju modernisasi untuk membina sesebuah bangsa yang bertamadun. Ginanjar Kartasasmita (1996) pula mendefinisikan pembangunan sebagai suatu proses inovasi ke arah perubahan yang lebih baik yang dapat dilakukan dengan lebih terancang. Nur Inani Ismail dan Wan Norhaniza Wan Hasan (2020) menyatakan pembangunan Islam pula merangkumi beberapa aspek iaitu rohani, fizikal dan juga moral yang berlandaskan Al-Quran dan hadith.

Menurut Todaro, pembangunan dipecahkan kepada 5 konsep iaitu konsep pembangunan ekonomi, pembangunan sumber manusia, pembangunan infrastruktur, pembangunan berteraskan Islam dan pembangunan lestari. Semua konsep-konsep ini mempunyai pendokong-pendokong dan pendekatan yang berbeza. Contohnya pembangunan ekonomi menurut Rostow ialah proses inovasi dari masyarakat mundur kepada masyarakat maju berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi masyarakat tersebut (Halim dan Abdul, 2004). Fitria Halim et al. (2021) pula menyatakan pembangunan ekonomi adalah proses peningkatan *output* per kapita yang akan berlangsung secara berterusan.

Pembangunan ekonomi juga adalah kemampuan sesebuah negara dalam menyediakan alat ekonomi kepada rakyatnya. Tahap kemampuan ini diukur berdasarkan kemajuan teknologi dalam sesebuah negara. Misalnya, pembangunan sesebuah daerah diukur berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat (Nurlisa Sarah Mohammad Azmi, 2019). Keupayaan sesebuah negara dalam membangunkan sumber sedia ada merupakan satu proses pembangunan ekonomi di

mana semakin tinggi kualiti sumber sedia ada akan menyebabkan semakin tinggi proses pembangunan ekonomi negara tersebut (Bonaraja Purba et al. 2021)

Dalam pembangunan sumber manusia, Schultz (1961) menyatakan bahawa pendidikan, pengalaman bekerja, latihan dan perpindahan yang akan menentukan produktiviti dan pendapatan seseorang. Atas sebab itu pembangunan sumber manusia harus dipertingkatkan agar setiap pekerja mempunyai daya kecekapan bagi bersaing di peringkat tempatan dan antarabangsa. Denison (1962) menyatakan pertumbuhan keluaran negara kasar (KNG) di Amerika Syarikat pada tahun 1948-1982 adalah sebanyak 3.2 peratus. 1/3 daripada pertumbuhan tersebut adalah daripada aspek pendidikan dalam kalangan pekerja.

Situasi ini menunjukkan bahawa kemajuan teknologi dalam sesebuah pembangunan dipengaruhi oleh faktor pendidikan. Pendidikan merupakan faktor terpenting dalam pembangunan sumber manusia sama ada diperingkat firma atau makro. Semakin ramai pekerja berpendidikan tinggi akan menyumbang kepada pertambahan dana bagi sesebuah firma dan proses inovasi juga akan bertambah dengan lebih pantas (Rahmah Ismail, 2000). Di dalam kajian tersebut juga menunjukkan bahawa produktiviti buruh dan modal dalam sektor IKS masih di tahap rendah jika dibandingkan dengan firma-firma besar. Implikasinya telah menyebabkan daya saing sektor IKS mudah terjejas disebabkan oleh perubahan dari sudut ekonomi.

Noraniza Binti Yusoff et al. (2011) di dalam kajiannya menyatakan bahawa pembangunan infrastruktur adalah proses untuk meningkatkan kualiti hidup manusia. Di dalam proses tersebut, negara telah menyediakan kemudahan awam yang semakin maju dari segi bekalan air, bekalan elektrik, komunikasi dan pembentungan agar dapat meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat.